



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 19 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	LAMBAKAN PADI WANGI DI KELANTAN AKAN DIATASI, NASIONAL, BH -24 JAMIN SELESAI ISU PESAWAH PADI WANGI, LOKAL, HM -22 PESAWAH PADI WANGI AKAN DIBANTU, NEGERI KELANTAN, SH -25 SYARIKAT TEMPATAN EKSPORT KOPI KE TIMUR TENGAH, HARAKAH DAILY -ONLINE NEW MACHANISM TO MOVE PINEAPPLE INDUSTRY FORWARD, HOME, BORNEO POST (KK)	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	LEGA LEMBU DIJANGKITI LSD KEMBALI PULIH, LOKAL, HM -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8. 9.	38,874 RECEIVED FRESH PRODUCE UNDER PRIHATIN, NEWS IN BRIEF, NST -15 KOTA SAMARAHAN BERPOTENSI SEBAGAI JELAPANG MAKANAN, SARAWAK VOICE -ONLINE KOTA SAMARAHAN PERLU PASAR TANI, MEDAN NIAGA KONDUSIF, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12.	GAGAL MAJUKAN INDUSTRI PADI, DASAR TANAH 'BERAT SEBELAH' ANTARA KEBIMBANGAN BERHUBUNG KESELAMATAN MAKANAN, MALAYSIA NOW -ONLINE DULU EJEN INSURANS, KINI TERNAK AYAM, DALAM NEGERI, UM -31 TAUKE KERAJ 'GIGIT JARI', NEGARA, KOSMO -9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	24

Lambakan padi wangi di Kelantan akan diatasi

Kota Bharu: Kerajaan memberi jaminan menyelesaikan isu pesawah padi wangi di Kelantan yang mendakwa kerugian besar susulan masalah pemasaran hasil tanaman itu yang semakin meruncing.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh tidak menolak kemungkinan ia kesan pandemik COVID-19, namun masalah berkenaan akan pulih selepas kebenaran rentas negeri dibenarkan kerana padi wangi biasanya dibawa untuk diproses di Kedah.

“Padi ini tidak boleh dimasukkan dalam mesin bersama padi biasa, justeru padi wangi Kelantan dibawa ke Kedah. Namun, kita difahamkan turut berlaku lambakan padi wangi di sana menyebabkan proses tergendala buat sementara, sekali gus turut menjejaskan pengusaha padi wangi di sini.

“Pesawah dinasihatkan bersabar kerana agensi berkaitan turut berusaha menyelesaikan masalah ini supaya pulih segera,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

Jamin selesai isu pesawah padi wangi

Ekoran dakwaan alami kerugian susulan masalah pemasaran

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Kerajaan memberi jaminan untuk menyelesaikan isu pesawah padi wangi di Kelantan yang mendakwa kerugian besar susulan berdepan masalah pemasaran hasil tanaman itu yang semakin meruncing.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (*gambar*) berkata, dia tidak menolak kemungkinan keadaan itu berlaku kesan daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara.

Katanya, masalah berkenaan akan pulih selepas me-

rentas negeri dibenarkan kerana padi wangi biasanya akan dibawa untuk diproses di Kedah.

“Padi ini tidak boleh dimasukkan di dalam mesin bersama padi biasa, justeru hasil padi wangi di Kelantan dibawa ke negeri berkenaan.

“Namun begitu, kita difahamkan, turut berlaku lambakan padi wangi di sana (Kedah), menyebabkan proses tergendala buat sementara waktu, sekali gus turut menjejaskan pengusaha padi wangi di sini.

“Oleh itu, pesa-

wah dinasihatkan agar bersabar kerana agensi berkaitan turut berusaha menyelesaikan masalah ini supaya pulih dengan segera,” katanya pada dalam sidang media selepas menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang 2020 di

Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Kada, Datuk Kamarudin Md Nor dan Pengerus Besar Kada, Nik Roslan Idris.

Pada 7 Oktober lalu, akhbar

melaporkan lebih 200 pesawah padi wangi mendakwa kerugian hampir RM100,000 susulan masalah pemasaran hasil tanaman mereka yang semakin meruncing, tahun ini.

Mereka yang juga ahli Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad mengaku buntu selepas masalah itu timbul pada 2019 dan menjadi semakin ‘tenat’ sejak beberapa bulan lalu apabila jualan hasil tanaman berkenaan dikatakan terus merudum.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi turut berkongsi hasrat kerajaan dalam memonopoli peratusan produk eksport dalam tempoh beberapa tahun akan datang, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada produk luar negara.



19/10/2021

SINAR HARIAN

NEGERI KELANTAN

25

Pesawah padi wangi akan dibantu

Kerajaan beri jaminan masalah pemasaran tanaman padi itu dapat diselesaikan susulan kebenaran rentas negeri

Oleh ADILA SHARINI WAHID

KOTA BHARU

Kerajaan memberi jaminan masalah pesawah padi wangi di Kelantan memaskan hasil tanaman mereka akan diselesaikan susulan kebenaran negeri oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pemasaran hasil tanaman yang didakwa merosot itu berlaku akibat kekangan pergerakan sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Menurut beliau, situasi itu

menyebabkan pesawah mengalami kerugian dan pihaknya akan membantu menyelesaikan perkara berkenaan.

"Padi wangi tidak boleh diproses dalam mesin yang sama dengan padi lain, jadi timbul masalah dan hasil padi di Kelantan kebiasaannya akan dibawa ke Kedah untuk pemrosesan.

"Baru-baru ini berlaku lambakan padi di Kedah akibat pandemik menyebabkan kerja-kerja tergendala sekejap. Keadaan akan beransur pulih apabila kebenaran rentas negeri dibenarkan dan kita jamin akan pulih," katanya kepada pemberita pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2020 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di pekarangan Ibu Pejabat KADA di sini.

Sejumlah 69 penerima anugerah turut menerima Sijil



Dr MK Muhammad Zawawi Salleh (tua dari kiri) beramah mesra dengan sebahagian penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KADA tahun 2020 pada Isnin.



Laporan Sinar Harian pada 8 Oktober lalu.

Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional bernilai RM1,000 setiap seorang.

Hadir sama, Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor dan Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Pada 8 Oktober lalu, *Sinar Harian* melaporkan lebih 200 pesawah padi wangi mendakwa kerugian hampir RM100,000 susulan masalah pemasaran ha-

sil tanaman mereka yang semakin meruncing pada tahun ini. Ahli Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad mengaku buntu selepas masalah itu timbul pada 2019 dan menjadi semakin 'tenat' sejak beberapa bulan lalu apabila jualan hasil tanaman berkenaan dikatakan terus merudum.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, kerajaan menyasarkan tingkat eksport bekalan makan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Sehingga kini, peratusan import negara untuk makanan asas termasuk padi ialah sekitar 30 peratus manakala 20 peratus untuk eksport.

"Jadi, kita berhasrat meningkatkan jumlah eksport daripada import atau sekurang-kurangnya seimbang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Syarikat tempatan eksport kopi ke Timur Tengah



KOTA BHARU: Sebuah syarikat anak tempatan, Akiffcafe Coffee Industries Sdn Bhd berjaya menembusi pasaran Timur Tengah bagi memasarkan produk kopi pracampuran.

Sebagai permulaan sebanyak 1,300 kotak akan dihantar ke Kuwait dan 650 ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan dijangka dipertingkatkan kepada

5,200 sebulan bagi memenuhi permintaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kejayaan tersebut diperolehi menerusi penyertaan syarikat itu dalam Pameran Gulfood 2021 pada Februari lepas.

“Hari ini saya sangat berbangga kerana ada usahawan muda, mampu mengorak langkah dan berharap kejayaan ini menjadi motivasi kepada usahawan muda lain.

“Mudah-mudah dengan kejayaan tersebut kita dapat memperkenalkan produk halal buatan Malaysia di negara Timur Tengah yang lain, kerana orang Arab sangat mementingkan produk halal,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis *flag off* pengeksporthan produk ke pasaran Timur Tengah di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kota Bharu hari ini.

Dr Nik Muhammad Zawawi juga berkata, kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sentiasa berusaha membantu mengembangkan perniagaan usahawan tempatan.

Kata beliau, dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Fama membimbing empat syarikat usahawan tempatan untuk membantu mempromosikan pasaran eksport mereka.

“Insya-Allah kita di kementerian akan memberi kerjasama dengan sebaik mungkin untuk memberi dorongan kepada usahawan kita mencapai kejayaan.

“Kerana kita mahu negara kita menjadi sebuah negara pengeksporthan termasuk bekalan makanan dan kita sedaya upaya melangkah untuk menjadi negara pengeksporthan,” katanya.

Headline	New mechanism to move pineapple industry forward		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,985
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,955



Badrul presenting MD2 pineapples to Kitingan.

New mechanism to move pineapple industry forward

KOTA KINABALU: The Agriculture and Fisheries Ministry will form a strategic collaboration with its federal counterpart, the Agriculture and Food Industry Ministry to develop the pineapple industry in Sabah.

Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said the collaboration will see representatives from both ministries form a committee to help strategise ways to increase the productivity of the pineapple industry in Sabah.

"Currently, the industry only produces less than RM200 million worth of pineapples per year. With this collaboration, we hope to increase the acreage to 4,100 hectares in five years with a production value of RM643 million. This would also increase our participants' monthly income to an average of RM4,900, and the industry is expected to provide 26,000 jobs to the locals," he said after a meeting with the MAFI Deputy Secretary General Datuk Badrul Hisham Mohammad at the Wisma Pertanian here on Monday.

Kitingan who is also the Agriculture and Fisheries Minister said the collaboration is necessary because Sabah cannot afford to fall behind in the growing food market, such as pineapple.

"Currently, the industry only produces less than RM200 million worth of pineapples per year. With this collaboration, we hope to increase the acreage to 4,100 hectares in five years with a production value of RM643 million."

Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan

He stated that both parties have been discussing the issue for the past 14 years with no resolution in sight, and further delays will hamper the growth of the pineapple industry in Sabah.

"This decision was made after careful consideration of the sensitivity of the issue. Agriculture falls under the State list, and we will defend this right."

"In fact, Sabah has already decided we will set up our own Sabah Pineapple Industry Board soon to protect our interests, but it does not mean we cannot cooperate with the federal government on this," he said.

He said the committee which will serve as the meeting point for Sabah and the federal will deliberate and make decisions to ensure that Sabah can benefit and learn from the Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) and transfer the knowledge to Sabah for the sake of the industry here.

Through the collaboration, the federal ministry will assist in land development and centralised production, as well as in the establishment of the Fruit Valley of Sabah and the Rural Micro Business System (RMBS).

Other programmes include the Swiftlet Paradise of Sabah, community farm (kebuniti), Young Agropreneur Programme, Integrated Entrepreneur Development, collection and processing centres and grading and marketing centres.

"Sabah has enormous potential in the pineapple industry. The main issue is the lack of supply of pineapple suckers or pups and we must do whatever it takes, including establish more nurseries, to ensure the industry's sustainability," he said.

Kitingan believes that once the supply issue is resolved, Sabah could become one of the region's main pineapple suppliers.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	13



LEMBU milik Rosdee yang menghidap penyakit kulit kental.

Marang: “Bukan sahaja sedih, tetapi berasa bimbang apabila lembu diserang penyakit kulit kental (LSD) yang boleh menyebabkan kematian,” kata Rosdee Muda.

Rosdee, 50, ditemui pada Program Vaksinasi LSD oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Marang di Kampung Mak Kemas, di sini, semalam.

Katanya, tiga daripada lapan lembu diternaknya dijangkiti penyakit LSD itu sejak sebulan lalu menyebabkan seluruh tubuh lembu berkudis serta bernanah.

“Memang berasa bimbang, maklumlah dua da-

Lega lembu dijangkiti LSD kembali pulih

ripada tiga lembu dijangkiti itu ialah lembu baka Charolais dan Belgian Blue yang berharga mahal.

“Risiko lembu dijangkiti mati satu hal dan risiko LSD menjangkiti lembu lain perlu difikirkan,” katanya.

Bagaimanapun, Rosdee bersyukur kerana tiga lembu dijangkiti LSD itu kembali pulih dan penyakit itu tidak tersebar kepada lembu lain.

Katanya, dia cuma mengamalkan petua lama de-

ngan memandikan lembu dijangkiti LSD dengan air campuran garam dan kunyit pada setiap hari.

Sementara itu, Penolong Pegawai JPV Marang, Saiful Zailani Mamat berkata, sebanyak 50 lembu di kampung itu disuntik vaksin pencegahan LSD dan diambil sampel darah.

Beliau berkata, program vaksinasi itu akan dijalankan secara berkala dalam usaha membendung penularan penyakit LSD itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

38,874 received fresh produce under Prihatin

SAMARAHAN: The Agriculture and Food Industries Ministry, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has helped 38,874 people in 206 locations under the Prihatin aid programme up to Oct 9. The programme has disbursed 84.61 tonnes of food to date. Fama chairman Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh said 1,611 people in 15 locations had benefited from the aid programme in Sarawak alone. "The aid is in the form of fresh produce from farmers in Sarawak." He was speaking during the handover of Prihatin contributions to 210 frontliners at the Kota Samarahan district police headquarters here. The contributions include 60kg of chilli, 150kg of pumpkin, 150kg of eggplant, 200kg of creamy sweet banana and 1,000 units of maize. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	SARAWAK VOICE	ONLINE	

Kota Samarahan berpotensi sebagai jelapang makanan



KOTA SAMARAHAN: Ahli Parlimen Kota Samarahan, Rubiah Wang menerima kunjungan daripada Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh pada Ahad.

Kunjungan tersebut dimulakan dengan penyerahan produk hasil tani menerusi Program MAFI Prihatin di bawah Kementerian

Pertanian Dan industri Makanan kepada petugas barisan hadapan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Samarahan.

Seterusnya, kunjungan diteruskan dengan lawatan ke Kompleks Pengumpulan Ladang FAMA Negeri Sarawak bagi meninjau proses pengumpulan hasil tani di Kota Samarahan.

Jelas Rubiah, Kota Samarahan berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan 'food basket' atau jelapang makanan negeri ini kerana kebanyakan hasil tani seperti nanas, kelapa, cili dan pelbagai lagi jenis tanaman diperolehi dari kawasan berkenaan.

Beliau turut bercadang untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak FAMA bagi mewujudkan sebuah pasar tani dan medan niaga yang kondusif seperti Medan Niaga Satok yang didirikan oleh FAMA.

"Penubuhan Pasar Tani dan Medan Niaga FAMA di Kota Samarahan nanti dapat meningkatkan sektor pertanian khususnya bagi penduduk di Kota Samarahan,"katanya.

Rubiah merakamkan penghargaan kepada Datuk Mohd Fasih yang telah berkesempatan turun padang melawat kawasan di Kota Samarahan.



19 OCT, 2021

Kota Samarahan perlu pasar tani, medan niaga kondusif

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Kota Samarahan perlu pasar tani, medan niaga kondusif

Ikut konsep Medan Niaga Satok, ia bagi merancakkan lagi sektor pertanian dan memberi manfaat kepada penduduk

Oleh Marlinda Mardzuki

KUCHING: Sebuah pasar tani dan medan niaga yang kondusif dan lengkap seperti Medan Niaga Satok (MNS) perlu diwujudkan di kawasan Kota Samarahan.

Ahli Parlimen Kota Samarahan Rubiah Wang berkata, ia bagi merancakkan lagi sektor pertanian yang seterusnya akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar.

Sehubungan itu katanya, beliau merancang untuk menjalinkan kerjasama bersama pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi mencapai matlamat tersebut.

"Saya yakin dengan wujudnya pasar tani dan medan niaga mengikut konsep MNS, ia dapat menggalakkan sektor pertanian sebagai sektor perniagaan yang menguntungkan khususnya bagi penduduk di Kota Samarahan," katanya.

Beliau berkata demikian



SUMBANGAN: Rubiah dan Mohd Fasih menyerahkan produk hasil tani sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas-petugas barisan hadapan.

ketika menerima kunjungan daripada Pengerusi FAMA Dato Mohd Fasih Mohd Fakeh ke Kota Samarahan

pada Ahad.

Tambahan pula, kata Rubiah, Samarahan mempunyai potensi untuk dijadikan se-

bagai kawasan 'food basket' atau bakul makanan untuk negeri Sarawak.

"Ini kerana kebanyakan

hasil tani banyak diperolehi di kawasan ini seperti nanas, kelapa, cili dan pelbagai lagi jenis tanaman.



19 OCT, 2021

Kota Samarahan perlu pasar tani, medan niaga kondusif

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

“ Saya yakin dengan wujudnya pasar tani dan medan niaga mengikut konsep MNS, ia dapat menggalakkan sektor pertanian sebagai sektor perniagaan yang menguntungkan khususnya bagi penduduk di Kota Samarahan. ”

Rubiah Wang
Aktivis Pertanian Kota Samarahan

“ Dengan kelebihan ini, sudah tentukan menguntungkan semua pihak, ” katanya.

Terdahulu, lawatan dimulakan dengan penyerahan produk hasil tani menerusi Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin kepada petugas-petugas barisan hadapan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Samarahan.

Acara penyerahan itu turut dihadiri oleh Ketua Polis Daerah Kota Samarahan, Deputy Superintenden

Sudirman Kram.

Rubiah dan Mohd Fasih kemudiannya mengunjungi Kompleks Pengumpulan Ladang FAMA Negeri Sarawak di Jalan Meranek, Kota Samarahan bagi melihat sendiri proses pengumpulan hasil tani dari seluruh Sarawak khususnya di Kota Samarahan.

Mengulas lawatan tersebut, Rubiah berterima kasih kepada pihak FAMA atas kunjungan mereka untuk melihat kawasan Kota Samarahan.



19 OCT, 2021

Kota Samarahan perlu pasar tani, medan niaga kondusif

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Ikut konsep Medan Niaga Satok, ia bagi merancakkan lagi sektor pertanian dan memberi manfaat kepada penduduk

KUCHING: Sebuah pasar tani dan medan niaga yang kondusif dan lengkap seperti Medan Niaga Satok (MNS) perlu diwujudkan di kawasan Kota Samarahan. Ahli Parlimen Kota Samarahan Rubiah Wang berkata, ia bagi merancakkan lagi sektor pertanian yang seterusnya akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2021	MALAYSIA NOW	ONLINE	

Gagal majukan industri padi, dasar tanah 'berat sebelah' antara kebimbangan berhubung keselamatan makanan



Pakar berkata masih wujud halangan untuk mencapai sasaran mampu diri yang berpunca daripada kurangnya aktiviti hiliran dengan tumpuan tinggi diberikan kepada tanaman industri.

Suasana kawasan sawah padi di sebuah perkampungan Sekinchan, Kuala Selangor. Kekurangan industri hiliran berasaskan padi menjadi kebimbangan ketika ini selepas ia menjadi punca pengeluarannya semakin berkurangan.

Walaupun Malaysia baru-baru ini berada di ranking kedua Asia Tenggara selepas Singapura dari segi keselamatan makanan, pakar mengingatkan masalah struktur berkaitan perkara itu yang masih menghambat negara ini.

Bercakap kepada MalaysiaNow, mereka berkata isu utama yang berbangkit adalah berhubung sektor padi dan beras, mengatakan tahap pengeluaran padi suram walaupun peruntukan belanjawan yang besar diberikan kepada kementerian pertanian dari 2015 hingga 2017.

Bekas pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan di Universiti Putra Malaysia Fatimah Mohamed Arshad berkata walaupun peruntukan untuk pertanian meningkat empat kali ganda, pengeluaran padi masih tidak menunjukkan kemajuan.

Katanya pada 2008, pengeluaran padi Malaysia adalah 3.72 tan per hektar. Pada 2019, jumlah tersebut menurun 5% menjadi 3.5 tan sehektar.

"Tiada industri hiliran berasaskan padi dan beras yang meluas kecuali dedak untuk ternakan dan bihun," katanya kepada MalaysiaNow.

"Ini menjadikan nilai padi adalah rendah kerana tiada potensi untuk dijadikan keluaran yang bernilai tinggi."

Menurutnya, kekurangan aktiviti hiliran menyebabkan industri tersebut lembab dan sumber padi tidak digembleng secara sepenuhnya.

"Negara lain seperti Jepun dan Thailand mempunyai banyak produk tambahan berdasarkan padi dan beras," katanya.

Fatimah turut berkata kebimbangan lain adalah penggunaan tanah, kerana tanah pertanian diubah menjadi kawasan projek pembangunan seperti perumahan.

Beliau juga turut menyentuh isu dasar berat sebelah terhadap tanaman industri yang turut memberi kesan kepada pengeluaran makanan.

Sebagai contoh, katanya tanaman sawit mengambil bahagian terbesar dari segi penggunaan tanah, sementara penggunaan kawasan penanaman getah dan koko menyusut sejak beberapa tahun lalu.

Pada 2020, bahagian tanah yang digunakan untuk perladangan kelapa sawit mencapai 73% sementara bagi penanaman makanan hanya menguasai 10%.

“Era kejayaan tanaman industri hanya bergantung dengan kelapa sawit,” katanya.

“Model estet hanya diamalkan dalam industri minyak sawit. Sudah tiba masanya Malaysia beralih kepada kekayaan semula jadinya, iaitu makanan.”

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) baru-baru ini turun dari tangga ke-28 ke 43 dalam senarai 113 negara.

Namun, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Ronald Kiandee memberitahu Dewan Rakyat penurunan itu disebabkan oleh perubahan skor yang dibuat Economist Intelligence Unit yang turut menyebabkan perubahan kedudukan bagi Singapura dan Australia.

Singapura jatuh dari tempat pertama ke tangga 20 sementara Australia turun dari tangga ke-12 hingga tangga ke-26.

Isu keselamatan makanan juga turut dibahas di Parlimen bulan lalu dengan bekas perdana menteri Dr Mahathir Mohamad juga turut menyebut perkara sama dalam ucapan perbahasannya mengenai Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Koordinator Forum Kedaulatan Makanan Malaysia Nurfitri Amir Muhammad berkata kerajaan tidak seharusnya hanya melihat GFSI sahaja, sedangkan tahap berdikari atau SSL juga penting.

Katanya GFSI juga mengambil kira petunjuk lain seperti KDNK, yang menjadikan antara punca mengapa Singapura menduduki tempat tertinggi.

Tambahnya, indeks sahaja tidak bermaksud republik itu dapat berdepan gangguan bekalan makanan.

“GFSI tidak membezakan makanan makanan yang diimport dan makanan yang dihasilkan. Kita mesti melihat kebolehan sesuatu negara menghasilkan makanan. Ini yang dipanggil SSL,” katanya, sambil menambah GFSI dapat digunakan untuk mengukur tahap pengurusan makanan.

“Kita boleh guna GFSI sebagai cara melihat tahap pengurusan makanan.”

Nurfitri berkata, kerajaan juga harus mengambil kira monopoli sumber atau input pertanian dari segi benih, baja, racun perosak dan mesin, selain kenaikan kos dan masalah orang tengah melebarkan margin keuntungan yang besar dalam industri ini.

“Input pertanian kita perlu liberalizekan supaya ada persaingan, dan subsidi juga perlu diberikan secara terus kepada petani, bukan kepada vendor-vendor,” katanya.

Malaysia mengimport makanan bernilai RM55 bilion tahun lalu termasuk bijiran, kopi, koko, rempah, produk tenusu dan makanan ternakan.

Pengarah program Third World Network Chee Yoke Ling berkata pandemik Covid-19 sepatutnya menjadi peringatan bagi negara supaya ia mengurangkan kebergantungan kepada makanan yang diimport.

“Kita import hampir semua makanan penting, ini bermaksud ketika negara pengekspor dilanda bencana alam seperti taufan, gempa bumi atau kemarau, mereka tidak dapat menyediakan apa yang kita perlukan.

“Pandemik Covid-19 juga merupakan peringatan bahawa perdagangan makanan boleh terganggu, dan pengeluaran makanan di negara pengekspor juga akan terkena kesannya,” katanya.

Chee berkata, masyarakat luar bandar mempunyai ketahanan dan keselamatan lebih tinggi dalam isu bekalan makanan.

Beliau menyarankan agar kerajaan mendorong pertanian ekologi yang lebih luas untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan.

“Semakin ramai orang muda dan profesional yang menceburi pertanian organik atau permakultur. Pengamal pertanian jenis ini juga turut menghidupkan kembali lebih banyak jenis benih, pokok dan herba.

“Terdapat juga minat yang semakin meningkat terhadap sayur-sayuran, tanaman herba dan buah-buahan di bandar atau di rumah, terutama sepanjang musim Covid-19. Ini adalah trend yang sangat baik dan harus didorong dan disokong oleh dasar kerajaan.”

19/10/2021

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Dulu ejen insurans, kini ternak ayam

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

utusannews@mediamulla.com.my

PONTIAN: Meninggalkan kerjaya ejen insurans yang pernah meraih pendapatan hingga RM7,000 sebulan masih belum memberikan kepuasan kepada seorang penternak ayam kampung kacuk, di sini.

Mohd. Nur Adzwan Mahamad, 37, kini beralih, bidang dengan menjadikan bunyi bising terkannya di reban sebagai teman sehariannya setelah meninggalkan bidang insurans pada tahun lalu.

Katanya, dia hanya menyambung usaha ternakan ayam kampung yang dimulakan oleh bapanya, Mahamad Samengon, 69, yang mula menernak haiwan itu pada tahun 2017 dengan permu- laan 50 ekor ayam.

Sebelum ini, walaupun bekerja sebagai ejen insurans di Johor Bahru, tetapi pada sebelah petang dan hujung minggu dia memban- tu bapanya menguruskan terma- kan ayam termasuk dalam urusan pemasaran.

“Terdetik juga di hati kerana terpaksa melakukan dua peker- jaan dalam satu masa iaitu kerja di pejabat dan melayan pelanggan membuat saya mengambil kepu- tusan untuk memilih satu sahaja sebagai kerjaya.

“Dalam masa yang sama, ayah memberikan galakan serta doron- gan untuk saya mengambil alih usaha ternakan ayam kampung kacuk supaya dijalankan secara sepenuh masa,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi, semalam.

Tambah Mohd. Nur Adzwan, ketika ini dia mempunyai se- banyak 500 ekor ayam kampung kacuk yang matang pada tempoh 60 hari dengan berat antara 1.5 kilogram (kg) hingga dua kilo- gram.

“Berat seperti itu sesuai untuk dipasarkan selain menjimatkan kos makanan yang dianggarkan sebanyak 45 hingga 50 beg se- bulan dengan harga setiap beg RM175,” ujar pemegang Diploma Mekanikal daripada German In-

stitute Malaysia (GMI).

Katanya, bagi menjimatkan kos makanan, ayam-ayam yang telah mencapai anggaran berat satu kilogram akan dibiarkan be- bas dengan memberikan makan daun-daun sebagai ganti kepada dedak.

“Saya bersama ayah akan memproses ayam-ayam ini se- belum menyimpan di peti sejuk khas sebelum dipasarkan terus kepada pelanggan di Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian.

“Harga ayam kampung kacuk yang siap diproses kini mencec- ah RM14 sekilogram, manakala ayam kampung biasa berharga RM20 sekilogram,” katanya.

Bagi perancangan akan da- tang, dia bercadang untuk mem- bina sebuah lagi reban yang boleh memelihara 500 ekor ayam. Ini bagi memastikan bekalan sen- tiasa mencukupi terutama apa- bila tiba musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha dengan permintaan sehingga 300 ekor sehari.



MOHD. Nur Adzwan Mahamad bersama ternakan ayam kampung di rumahnya di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi, di Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI.



IKAN kerai liar mati bergelimpangan dipercayai akibat aktiviti menuba udang di Sungai Pahang di Temerloh kelmarin.

Ikan sangkar mati disyaki akibat perbuatan tuba

Tauke kerai 'gigit jari'

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

TEMERLOH - Seorang penternak ikan sangkar Sungai Pahang mengalami kerugian kira-kira RM20,000 selepas ikan kerai liar yang dipelihara mati dipercayai akibat kegiatan menuba udang kelmarin.

Kesemua ikan kerai yang mati itu merupakan ikan kerai liar yang ditangkap di sungai sebelum dilepaskan ke dalam sangkar di Sungai Pahang sejak dua tahun lalu.

Anggaran jumlah ikan di dalam kolam tersebut adalah kira-kira 300 ekor.

Hamzah Deris, 49, berkata, dia menyedari kejadian itu selepas turun ke sangkar ikan tersebut pada pukul 5 petang untuk memberi ikannya makan di Kampung Lebak Seberang di sini.

"Saya terduduk apabila melihat ikan-ikan yang berusia lebih dua tahun dengan berat setiap satunya melebihi satu kilogram di dalam sangkar khas mati bergelimpangan.

"Mungkin ikan-ikan ini yang berada dalam sangkar yang agak

padat dan ditambah pula dengan keadaan air yang cetek mati akibat tuba udang yang mengalir ke sangkar tersebut," katanya di sini semalam.

Pada masa kini, Sungai Pahang menjadi tumpuan orang ramai termasuk dari mereka yang tinggal luar negeri ini untuk melakukan aktiviti memancing ikan serta udang berikutan kebinaran rentas negeri ditarik balik oleh kerajaan bermula pada 11 Oktober lalu.

Menurut Hamzah, susulan kejadian itu, dia membuat laporan polis semalam bagi mengelak kejadian sama berulang pada masa akan datang.

Hamzah yang memiliki 15 sangkar ikan di Sungai Pahang memberitahu, setakat ini, ikan peliharaannya yang lain iaitu patin dan tilapia tidak terjejas dalam kejadian tersebut.

Dalam pada itu, Hamzah turut memberitahu, dia sudah merancang untuk menjual ikan-ikan tersebut pada harga RM70 sekilogram.

Ini kerana, kebanyakan restoran telah dibuka selain kehadiran orang luar terutama

peminat-peminat ikan kerai liar dari luar negeri ini ekoran aktiviti rentas negeri telah pun dibenarkan sejak seminggu lalu.

"Saya memang bercadang untuk menjual ikan-ikan ini apabila beratnya melebihi sekilogram kerana ramai peminat ikan sungai mahukan saiz kerai yang besar.

"Namun, saya reda dengan apa yang berlaku ke atas ikan-ikan ini yang berkemungkinan berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab sesetengah individu," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, pihaknya mengambil perhatian kejadian tersebut boleh merugikan penternak ikan di negeri ini.

Katanya, penguatkuasaan aktiviti yang dilarang seperti menuba bukan lagi di bawah Jabatan Perikanan, sebaliknya diletakkan di bawah Unit Penguatkuasa Bersepadu Negeri Pahang.

"Sekiranya ada aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan dan kaedah sungai, aduan boleh dibuat terus kepada unit yang berkaitan," katanya.